

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 24 APRIL 2019
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 14
HARI : RABU

Geran Sepadan beri tambah nilai kepada pelajar miskin

PTPTN bantu keluarga menabung

Oleh TOREK SULONG
pengarang@utusan.com.my

■ BACHOK 23 APRIL

PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bercadang untuk memperkenalkan pendekatan mudah yang tidak membebani bagi menarik lebih ramai ibu bapa kurang berkemampuan menyimpan dalam skim pendidikan yang ditawarkan.

Bagi mencapai hasrat tersebut, perbadanan itu berhasrat untuk membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk melaksanakan semula geran sepadan agar manfaat yang ditawarkannya dapat dinikmati pelajar miskin ketika menjelajki menara gading.

Pengerusinya, Wan Saiful Wan Jan berkata, skim sebelum ini akan ditambah nilai dengan kaedah yang lebih mampu diikuti oleh keluarga pelajar dan bukannya mewajibkan simpanan sehingga RM500 untuk mendapat-



PELAJAR cemerlang SMK Kubang Telaga menerima sumbangan sempena program Jelajah Solo Gen Y Nilai Murni Rakyat Malaysia di Bachok, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

patkan ganjaran atau insentif.

Menurutnya, di bawah skim baru ini penyimpan yang menabung RM10 akan berpeluang menerima ganjaran tambahan daripada PTPTN sebanyak RM10 sehingga had yang

dibenarkan iaitu sebanyak RM500.

"Pelaksanaan skim ini diharap mampu menarik lebih ramai ibu bapa terutama nelayan, petani dan pekebun kecil yang tidak berkemampuan menabung

dan berpeluang menikmati manfaat yang ditawarkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Jelajah Solo Gen Y Nilai Murni Rakyat Malaysia di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kubang Telaga

di sini hari ini.

Wan Saiful berkata, langkah yang diambil itu akan mengurangkan tanggungan ibu bapa sebaik sahaja anak-anak mereka ditawarkan begi melanjutkan pengajian di mana-mana pusat pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Katanya, sepanjang tahun lepas PTPTN berjaya mengutip sejumlah RM1.13 bilion tabungan dan berharap kutipan itu akan bertambah.

"Dalam mesyuarat anggota Lembaga Pengarah PTPTN yang berlangsung awal April lalu telah bersetuju untuk mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan bagi mendapat kelulusan mengenainya," katanya.

Menurutnya, PTPTN kini dalam proses melengkapkan dokument yang berkaitan sebelum mengajukan permohonan dalam tempoh terdekat.

"Sekiranya tiada apa-apa halangan kami akan melaksanakan Geran Sempadan itu pada pertengahan tahun ini," katanya.